

SOALAN NO. 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YANG BERHORMAT TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK]

TARIKH : 5 APRIL 2018

SOALAN :

YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian sama ada Kerajaan mempunyai hasrat untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi membolehkan rayuan kes jenayah daripada Mahkamah Rendah dibuat sehingga ke Mahkamah Persekutuan dan tidak hanya terhad kepada Mahkamah Rayuan sahaja.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [Akta 91] sudah dimuktamadkan. Butir-butir terperinci pindaan terhadap akta ini akan diketahui apabila Rang Undang-Undang berkenaan dibentangkan kelak.

Sekian, terima kasih.

71

SOALAN (36)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 5 APRIL 2018
[KHAMIS]

DARIPADA : YB. DATO' FAUZI BIN ABD RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

SOALAN :-

YB. DATO' FAUZI BIN ABD RAHMAN [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk membantu menaik taraf infrastruktur bandar-bandar utama seperti Kuantan dan ibu-ibu negeri yang lain; dan
- (b) apakah Kementerian memperuntukkan sebarang peruntukan bagi bandar Kuantan, dan jika ada berapa jumlahnya dan apakah kegunaan peruntukan tersebut

JAWAPAN :-**Soalan (a)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ada melaksanakan projek-projek kecil yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu projek infrastruktur, kemudahan awam dan sosio ekonomi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang melibatkan membina baharu atau menaiktaraf projek.

Bagi kategori projek infrastruktur, KPKT telah memperuntukan sebanyak RM22.64 juta pada tahun 2017 dan sebanyak RM74.5 juta pada tahun 2018. Contoh projek-projek infrastruktur adalah seperti membina baharu dan menaik taraf parit dan longkang, lorong belakang, laluan pejalan kaki serta lampu-lampu jalan dan simpang.

Khusus bagi bandar Kuantan, sebanyak RM2.92 juta diperuntukkan bagi membiayai 59 projek infrastruktur pada tahun 2017. Pada tahun 2018 pula, setakat ini KPKT telah memperuntukkan sebanyak RM1.48 juta bagi membiayai 4 projek infrastruktur di Majlis Perbandaran Kuantan.

Soalan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, selain projek-projek infrastruktur, KPKT juga turut menyediakan peruntukan untuk meningkatkan kemudahan awam dan sosio ekonomi seperti tandas, dewan, gelanggang, medan selera dan lain-lain. Sebanyak RM2.5 juta telah diluluskan bagi membiayai 7 projek tersebut di Kuantan pada tahun 2017. Manakala bagi tahun 2018, setakat ini sebanyak RM10.5 juta telah diluluskan bagi membiayai 2 projek kemudahan awam.

Secara keseluruhannya sebanyak RM17.4 juta telah disalurkan kepada PBT Kuantan iaitu sebanyak RM5.42 juta (2017) dan RM11.98 juta (2018) di bawah projek-projek kecil BP1 KPKT.